



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN RABU, 4 JUN 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM PERLUAS KONSEP 'KESEJAHTERAAN PRODUKTIF' BANTU GOLONGAN SASAR		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1403916/jkm-perluas-konsep-kesejahteraan-produktif-bantu-golongan-sasar?source=widget	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	8 SEKELUARGA TINGGAL DALAM PONDOK DI HUTAN BAKAL DAPAT KEDIAMAN BAHARU		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1225880/8-sekeluarga-tinggal-dalam-pondok-di-hutan-bakal-dapat-kediaman-baharu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1225303/help-way-family-living-makeshift-hut	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	WANITA OKU HILANG DITEMUKAN BERSAMA LELAKI MASALAH MENTAL		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/03/wanita-oku-hilang-ditemukan-bersama-lelaki-masalah-mental/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PERAK SOKONG SEMAKAN UNDANG-UNDANG LINDUNGI KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/731955/edisi/perak/perak-sokong-semakan-undang-undang-lindungi-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://mgperak.com/mgperak-perak-sokong-pindaan-akta-bendung-pengabaian-kanak-kanak-oleh-ibu-bapa/	MGPERAK.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN PERUNTUKKAN RM100 JUTA UNTUK USAHAWAN WANITA INDIA - RAMANAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/06/1226001/kerajaan-peruntukkan-rm100-juta-untuk-usahawan-wanita-india-ramanan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2430288	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/03/aim-announces-additional-rm50mil-allocation-to-indian-women-entrepreneurs	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	ANAK-ANAK AUTISME TERUJA JUMPA EJEN ALI		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/anak-anak-autisme-teruja-jumpa-ejen-ali/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WANITA SEBAR GAMBAR SEKSUAL CIKGU DIBEBAS DENGAN JAMINAN POLIS		NEUTRAL
	https://malaysiagazette.com/2025/06/03/wanita-sebar-gambar-seksual-cikgu-dibebas-dengan-jaminan-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	KANAK-KANAK SEMBILAN TAHUN JADI MANGSA LIWAT DI PUSAT TAHFIZ		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/06/kanak-kanak-sembilan-tahun-jadi-mangsa-liwat-di-pusat-tahfiz/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1226047/kanak-kanak-lelaki-dipercayai-jadi-mangsa-liwat-rakan-umur-12-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/731969/berita/semasa/pelajar-9-tahun-dakwa-diliwat-senior-12-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

4/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	GADIS 14 TAHUN TUNGGANG MOTOSIKAL DARI KELANTAN KE KULIM JUMPA 'KEKASIH' JADI MANGSA ROGOL		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/731965/berita/semasa/gadis-14-tahun-tunggang-motosikal-dari-kelantan-ke-kulim-jumpa-kekasih-jadi-mangsa-rogol	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2430404	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/03/polis-dedah-kes-rogol-remaja-selepas-redah-perjalanan-lebih-500km-dari-tumpat-ke-kulim/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	KES ROGOL, CURI DI KELANTAN NAIK KETARA		NEGATIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/03/kes-rogol-curi-di-kelantan-naik-ketara	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/732060/berita/semasa/jenayah-indeks-di-kelantan-naik-151-peratus-kes-rogol-dan-curi-meningkat-ketara	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/745130	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/06/03/crime-in-kelantan-rises-15-in-2024-with-notable-increases-in-rape-theft	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2430445	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	INDONESIAN MAN ARRESTED FOR SEXUALLY HARASSING LOVER'S TEENAGE DAUGHTER		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/06/1225220/indonesian-man-arrested-sexually-harassing-lovers-teenage-daughter	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

4/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	BURUH DIDAKWA ROGOL PELAJAR TINGKATAN 1		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-didakwa-rogol-pelajar-tingkatan-1/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1226022/buruh-tak-mengaku-rogol-pelajar-tingkatan-1-di-rumah-dan-sawah	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/03/remaja-naik-motor-500km-dari-kelantan-jumpa-kekasih-baru-dikenali-berakhir-dengan-tragedi-rogol/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/03/teen-girl-allegedly-raped-after-travelling-500km-to-meet-man-from-social-media	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	LELAKI WARGA INDIA DIPENJARA ENAM TAHUN MENGAKU CABUL ANAK TEMAN WANITA		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/lelaki-warga-india-dipenjara-enam-tahun-mengaku-cabul-anak-teman-wanita/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/03/lelaki-warga-india-dijel-enam-tahun-sebat-sentuh-anak-kekasih/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/03/warga-india-mengaku-cabul-anak-kekasih-dijel-6-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/731991/berita/semasa/lelaki-warga-india-dijel-enam-tahun-tiga-sebatan-kes-amang-seksual-kanak-kanak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM perluas konsep 'kesejahteraan produktif' bantu golongan sasaran

oleh Suzanna Khalid - Jan 3, 2025 @ 12:01 a.m.



PUTRA JAYA: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memperluas konsep 'kesejahteraan produktif' yang terbukti berkesan sejak sembilan tahun lalu dalam usaha mengeluarkan golongan sasaran daripada kepompong kemiskinan, seterusnya hidup berdikari.

Menerusi Program Pemerkasaan Dua Tahun (ZYEP), setakat ini JKM sudah membantu 6,871 penerima bantuan, membatiskan 4,998 wanita dan 2,473 lelaki.

Dengan jumlah itu, 1,787 golongan sasaran berjaya dibenarkan bantuan dengan 1,475 atau 82.5 peratus ialah wanita dan 17.5 peratus atau 2,473 ialah lelaki.

Ketua Pengerah JKM, Datuk Che Murad Sayang Ramjan, berkata ZYEP ialah inisiatif pembangunan dan penyediaan untuk golongan miskin dan kurang upaya dengan mewujudkan sistem sokongan sosial melalui program penjaian pendapatan, sekoli gas mengurangkan ketergantungan kepada bantuan kerajaan.



Ketua Pengerah JKM, Datuk Che Murad Sayang Ramjan...

"Ini pendekatan sosial bagi membantu penerima bantuan kebajikan supaya hidup berdikari agar tidak lagi bergantung kepada bantuan kebajikan awam selama-lamanya.

"Menerusi program ini, JKM memberi sokongan dalam bentuk bantuan kewangan, latihan kemahiran dan pemerkasaan pembangunan diri secara produktif sepanjang tempoh dua tahun untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

"Ini bermatlamat mengurangkan perbelanjaan bantuan bulanan atau langkah penjimatan kewangan kerajaan serta meningkatkan jumlah golongan sasaran yang berjaya ditamatkan bantuan kerana sudah mampu meneruskan kelangsungan hidup," katanya kepada BH.

Pendekatan kesejahteraan atau kebajikan produktif ini digunakan secara meluas di negara Barat untuk membantu golongan miskin menjadi berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan dan JKM memulakannya inisiatif ini pada 2016.

Che Murad berkata, JKM mendapati secara keseluruhannya bantuan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu kepada golongan miskin meningkat setiap tahun disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Memberikan contoh, penerima bantuan JKM pada 2020 merekodkan 506,070 penerima membatiskan peruntukan kerajaan RM1.58 bilion, meningkat kepada 519,409 penerima dengan RM1.83 bilion peruntukan pada 2021.

Pada 2022, seramai 533,167 penerima membatiskan RM1.77 bilion; 543,811 penerima dengan 2.39 bilion (2023) dan tahun lalu, 545,669 penerima membatiskan peruntukan RM2.41 bilion.

"Pada tahun ini pula, JKM menerima peruntukan RM2.9 bilion daripada Kementerian Kewangan bagi pengurusan bantuan kebajikan Persekutuan berdasarkan Belanjawan 2025," katanya.

Bantuan JKM meliputi golongan yang kurang bernasib baik, antaranya individu atau keluarga miskin, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan golongan berisiko lain.

Dalam perkembangan sama, Che Murad berkata, JKM bertanggungjawab untuk mengkaji semula kelayakan penerima bantuan pada setiap tahun bagi memastikan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dan berjaya keluar daripada kemiskinan.

Beliau berkata, kajian semula terbabit di laksanakan membatiskan skim bantuan produktif yang diberikan kepada penerima kerana mereka berupaya menambah baik kehidupan dan hidup berdikari.

Sementara itu, Che Murad berkata, JKM sudah menerima lebih 3,000 permohonan daripada ibu bapa bagi mendapatkan bantuan yuran pembelajaran, termasuk yuran pembelajaran kepada anak autisme yang pertama kali dipohonkan tahun ini.

Pada pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan mengumumkan bantuan yuran pembelajaran anak autisme dengan dana RM15 juta kepada 30,000 kanak-kanak.

"Bagi barisan ini, seorang anak autisme menerima RM500 dan ia adalah permulaan yang sangat baik dan sehingga kini kita menerima 3,214 permohonan.

"Bayaran bagi sesi terapi untuk anak autisme ini kini kira RM11,400 sebulan dan kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM500," katanya.

Beliau berkata, melalui kaedah pemberian subsidi ini, ia sekoli gas dapat menggalakkan ibu bapa menghantar anak autisme mereka ke pusat yang berdaftar.

Katanya, ibu bapa juga diminta untuk meninggalkan stigma yang tidak mahu mendaftar anak autisme mereka sebagai pemegang kad OKU kerana banyak ketidimewaan dapat di peroleh melalui langkah ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8 sekeluarga tinggal dalam pondok di hutan bakal dapat kediaman baharu

Baharu Bahar
angpawati.com.my



Kuala Berang: Kesengsaraan 8 orang sekeluarga yang terpaksa tinggal di dalam pondok di hutan di Kampung Paya Besar di sini, mungkin berakhir apabila mendapat perhatian Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Razi Mamat berkata, KKDW negeri sudah diminta menyelesaikan segera masalah kediaman seleka kepada ahli keluarga Mat Nasir Ismail, 48, itu.

"Kita sudah menghubungi Pengarah KKDW, Md Razi Md Lazim supaya menyelesaikan isu kediaman Mat Nasir yang terpaksa tinggal di dalam pondok bersama isteri dan enam anak serta menantunya (dengan mengajukan) kepada Menteri KKDW Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Kita sendiri akan menghubungi Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri bagi memohon pertimbangan meluluskan segera penentuan bagi pembinaan kediaman Mat Nasir dan keluarganya," katanya ketika menyantuni keluarga Mat Nasir, semalam.

Razi yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Giatmara negeri berkata demikian ketika menyantuni keluarga Mat Nasir.

Harian Metro dan Berita Harian semalam menyiarkan kesempitan hidup Mat Nasir dan isteri, Mazilah Mansor, 47, serta lima anak termasuk seorang anak Orang Kurang Upaya (OKU), berusia antara 11 dan 22 tahun, serta seorang menantu tinggal dalam sebuah pondok di kawasan hutan, selepas tidak berkemampuan menyewa rumah.

Hasil pendedahan itu, pelbagai pihak termasuk satu pasukan dikenali sebagai geng TikTok tampil membantu termasuk melancarkan kutipan derma bagi membiayai sebahagian kos pemasangan paip air, termasuk bayaran pendahuluan bagi pemasangan meter dianggarkan berjumlah RM2,000.

Mengulas lanjut, Razi berkata, Mat Razi dan pegawai KKDW segera melakukan siasatan termasuk menilai kos sebesar bagi pembinaan kediaman yang lebih selesa untuk Mat Nasir dan keluarganya.

Sementara itu, beberapa pegawai daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAMAM) turut menyantuni keluarga Mat Nasir.

Ketua Pegawai Eksekutif MAMAM, Profesor Madya Datuk Dr Ahmad Azri Adnan berkata, semakan dilakukan mendapati Mat Nasir menerima bantuan bulanan sebanyak RM700 sebelum berkuat kuasa Januari lalu.

Katanya, hasil semakan status bantuan mendapati Mat Nasir mula menerima bantuan bulanan MAMAM sebanyak RM900 bermula pada 2017.

"Kadar bantuan kepada Mat Nasir dinaikkan kepada RM700 sebelum mula Januari lalu," katanya.

LAPORAN • PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita OKU hilang ditemukan bersama lelaki masalah mental

OWA ABUL KADIR ABDUL RAHMAN 13 Jun 2023, 2:02 pm



Norliyana Izzati

KUANTAN – Seorang wanita orang kelainan upaya (OKU) yang hilang selepas keluar ke pusat membeli belah kelmarin ditemukan bersama seorang lelaki yang mengalami masalah mental semalam.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Basu berkata, mangsa Norliyana Izzati Narmalan, 29, ditemukan beroda di Hentian Bas Kuantan Parade bersama seorang lelaki kira-kira pukul 12.20 tengah hari.

"Temubual mendapati lelaki tersebut tidak sihat mental dan percakapan tidak jelas memberitahu dia berjumpa mangsa secara kebetulan di Kuantan Parade pada Ahad lalu dan telah sama-sama tanpa paksaan keluar daripada pasar raya tersebut untuk bersiar-siar sekitar kawasan.

"Namun apabila lewat mereka berasa bimbang untuk pulang kerana takut dimarahi oleh ibu mangsa yang ketika itu berniaga di situ,"katanya di sini hari ini.

Hari ini Kosmo! melaporkan seorang wanita OKU dilaporkan hilang selepas mengikuti seorang lelaki ketika keluar ke sebuah pusat beli-belah bersama ibu angkatnya di sini kelmarin.

Kehilangan mangsa disedari ibu angkatnya berusia 51 tahun yang ketika itu menyertai acara jualan di pusat beli-belah berkenaan sebelum usaha mencari mangsa dilakukan ibu angkat mangsa di kawasan berhampiran.

Menurut Wan Mohd Zahari, berdasarkan siasatan modus operandi kejadian adalah mangsa menghilangkan diri selepas mengikut seorang lelaki yang tidak dikenali.

Katanya berdasarkan siasatan tiada unsur-unsur jenayah atau paksaan dilakukan oleh lelaki tersebut ke atas mangsa kerana mangsa dengan rela hati mengikut lelaki itu untuk keluar bersiar di luar kawasan bangunan pasar raya.

Ujarnya susulan itu ibu angkat mangsa berpuas hati dengan tindakan pihak polis dan satu laporan tarik semula laporan polis telah dibuat. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perak sokong semakan undang-undang lindungi kanak-kanak

SABULAH AHMED Follow

02 Jun 2025 01:40pm



Selbih bersama-sama Mohamad Rozlan (Kiri) dan Mohammed Ifan ketika Majlis Pelepasan Kontena Produk Syarikat Ameen ke Mali di Jalan Kastam, Taman Industri Ringin di sini pada Selasa.

TELUK INTAN - Usaha meneliti semula beberapa peruntukan undang-undang sedia ada untuk memperkenalkan kewajipan lebih jelas kepada ibu bapa dan penjaga dalam usaha mencegah penderaan serta pengantunan kanak-kanak wajar dilaksanakan.

Exco Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Selbih Mohamed berkata, memang terdapat kes-kes pengabalan kanak-kanak oleh ibu bapa yang tidak dapat diambil tindakan disebabkan kelompongan di dalam undang-undang.

Bagaimanapun katanya sebarang pindaan mestilah dibuat mengikut kesesuaian budaya di negara ini.

"Dengan penilaian semula akta-akta yang bersesuaian ini, saya menyambut baik agar isu tanggungjawab ibu bapa itu dapat ditekankan tetapi mengikut budaya setempat sebab kita pernah dengar sebelum ini ada isu di luar negara ibu bapa suruh anak solat tetapi dikenakan tindakan sebab ada akta yang menyekat.

"Jadi akta bersesuaian itu penting untuk memastikan isu-isu penderaan dan pengabalan kanak-kanak ini dapat ditangani dengan baik bagi mengurangkan kes-kes penderaan dan pengabalan terhadap kanak-kanak," katanya kepada pemberita.

Bekas berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelepasan Kontena Produk Syarikat Ameen ke Negara Mali di Jalan Kastam, Taman Industri Ringin di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri Perak, Mohamad Rozlan; Mohamad Razali; Pegawai Daerah Hilir Perak, Mufidah Mahfudz; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan, Zairul Akmal Kasim dan Pengarah Urusan Syarikat Ameen Products Sdn Bhd, Muhammed Ifan Amanulla Khan.

Menyentuh mengenai kes penderaan kanak-kanak di Perak, Selbih memaklumkan kes-kes berkaitan masih terkawal.

"Sekiranya satu isu yang diterima, kita terus mengambil tindakan melalui JKJM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan sebagainya.

"Kita akan ambil tindakan untuk memastikan anak-anak yang terabai itu dapat berada dalam perlindungan yang selamat," katanya.

Pada Isnin, media melaporkan kerajaan sedang meneliti semula beberapa peruntukan undang-undang sedia ada untuk memperkenalkan kewajipan yang lebih jelas kepada ibu bapa dan penjaga dalam usaha mencegah penderaan dan pengantunan kanak-kanak.

Menteri Di-Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, ia termasuk cadangan pindaan yang mewajibkan pemantauan tingkah laku dalam talian anak-anak serta penyertaan aktif dalam program kesedaran dan pendidikan keselamatan digital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan peruntukkan RM100 juta untuk usahawan wanita India - Ramanan

Muhammad Khairi Asraf Mohd Khalid
khairi.asraf@hmetro.com.my



SIKAMNAN dan Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia Datuk Mohamed Shahril Abdul Aziz bersama ramai cik tambahan dana pembiayaan bagi Program Prosperity, Empowerment, and A New Normal for Indian Women (P.E.N.N.) bertail RM100,000,000 pada Majlis Pelancaran P.E.N.N. 2.0 di Ibu Pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia, 1010 SEREMBAN.

Kuala Lumpur: Bagi memperkasa golongan wanita India, khususnya dalam bidang keusahawanan, sebanyak RM50 juta tambahan peruntukan diberikan yang menjadikan jumlah keseluruhan dana program 'Prosperity, Empowerment and A New Normal for Indian Women' (P.E.N.N.) mencecah RM100 juta.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Seri R. Ramanan berkata, P.E.N.N. yang dilancarkan pada 14 April tahun lalu, adalah satu inisiatif kerajaan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebagai agensi pelaksana.

"Tambahan dana dibuat selepas kejayaan P.E.N.N. fasa satu yang memberi manfaat kepada 6,247 wanita India dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan RM42,725,640.

"Daripada 6,247 yang menerima dana ini, 1,062 adalah usahawan baharu," katanya pada Majlis Pelancaran Program P.E.N.N. 2.0 di Ibu Pejabat AIM, di sini, hari ini.

Ramanan berkata, dengan tambahan peruntukan ini, ia akan memberi peluang kepada lebih ramai wanita India untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup mereka serta keluarga.

"Dengan suntikan dana tambahan ini juga, AIM menyasarkan peluasan manfaat program ini kepada lebih 10,000 usahawan wanita India di seluruh negara.

"Tambahan dana ini bukan sahaja membuka ruang kepada penyertaan baharu, malah memperkukuh lagi sokongan kepada peserta sedia ada untuk mengembangkan perniagaan kecil-kecilan mereka dalam pelbagai sektor termasuk makanan, jahitan, kecantikan dan perkhidmatan komuniti," katanya.

Mesutunya, usahawan yang sudah menerima pembiayaan P.E.N.N. kebanyakannya berjaya meningkatkan pendapatan mereka antara 20 hingga 30 peratus berbanding sebelumnya.

Katanya, permohonan untuk P.E.N.N. kini dibuka di semua 124 pejabat cawangan AIM di seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anak-anak autisme teruja jumpa Ejen Ali

© 03 Jun 2025, 9:13pm



FOTO Bakhtiar Binayamin

Oleh Ridwan Rusydi Azri Roslan

KUALA LUMPUR: Filem animasi popular Ejen Ali The Movie 2 (EATM2) terus menceriakan peminatnya.

Kira-kira 150 kanak-kanak autisme bersama ibu bapa diirai dengan diberikan peluang menonton filem berkenaan di pawagam sebuah pusat membeli-belah di sini, hari ini.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja sebagai medium mempromosikan hiburan yang inklusif, malah mewujudkan ruang yang selamat dan mesra untuk semua penonton.

Selain tayangan istimewa filem berkenaan, anak-anak autisme turut menjalankan aktiviti mesra deria yang direka khas untuk individu autistik.

Ia bagi membangkitkan keseronokan di samping mewujudkan satu bentuk sokongan kepada golongan berkenaan.

Malah, kehadiran dua watak utama siri animasi itu, Ejen Ali dan Ejen Alicia yang merupakan sebahagian daripada gimik tayangan turut memotivasi tumpuan, selain menceriakan golongan berkenaan sempena cuti sekolah.

Mereka turut berpeluang bergambar dan beramah mesra bersama kedua-dua watak berkenaan.

Rata-rata mereka amat teruja kerana dapat menonton filem itu sekali gus tidak sabar untuk melihat karakter kegemaran.

"Sebenarnya saya sudah tengok filem ini, tapi hari ini saya datang lagi. Saya nak tengok lagi.

"Saya suka mereka, mereka buat saya rasa seperti ejen," kata Muhamad Fitri Zahri Muhamad Azizli, 10 tahun.



Malah inisiatif berkenaan disambut baik, kerana secara tidak langsung dapat memberikan mereka pendedahan selain merasakan pengalaman yang baharu.

"Ia patut difokuskan dengan kerjasama pelbagai pihak. Ini kerana bagi kanak-kanak autisme dan saya pengidap autisme dewasa, peluang untuk bersama masyarakat dan berjumpa rakan-rakan yang lain diluar sebenarnya agak terhad.

"Jadi dengan program seperti ini, maka adalah ruang untuk semua orang bertemu sesama sendiri, bersosial dan menyertai aktiviti yang boleh kita katakan, mereka keluar dari rumah, dan rasa sendiri pengalaman dunia luar sebenarnya," kata pengidap autisme dewasa, Muhammad Fahmi Bukhari, 35 tahun.

Ibu kepada Muhamad Fitri, Hazlinda Husin pula berterima kasih kepada pihak yang sudi menjemput anak-anak autisme untuk menonton filem yang sedang hangat diperkatakan.

"Mereka macam kita juga teringin nak tengok wayang walaupun kadang-kadang mereka ini tak macam kita, duduk diam.

"Jadi kita nak beri pendedahan juga, mereka pun suka filem itu, tapi masalahnya ada ibu bapa yang enggan membawa anak-anak seperti mereka ini keluar kerana bimbang penerimaan orang lain," katanya.

Filem EATM2, terbitan Wau Animation dengan kerjasama Primeworks Studios kini sedang ditayangkan di pawagam seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita sebar gambar seksual cikgu dibebas dengan jaminan polis

Olivia Eze & Nurul - 3 June 2023



Ejen insurans yang disyaki mengugut dan menyebarkan gambar bogel seorang guru wanita yang juga madunya, Mac lalu dibebaskan dengan jaminan polis hari ini selepas reman selama dua hari terhadap wanita berusia 33 tahun itu tamat.

MELAKA – Seorang ejen insurans yang disyaki mengugut dan menyebarkan gambar bogel seorang guru wanita yang juga madunya pada Mac lalu dibebaskan dengan jaminan polis hari ini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, ia selepas reman selama dua hari terhadap wanita berusia 33 tahun itu tamat hari ini bagi membantu polis terhadap siasatan kes mengikut Seksyen 507 dan 509 Kanun Keseksaan.

"Setakat ini, suspek belum dituduh dan dibebaskan dengan jaminan polis sementara menunggu keputusan Timbalan Pendakwa Raya," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Mahkamah Majistret Melaka, Ayer Keroh di sini membenarkan ibu kepada empat anak itu direman selama dua hari selepas dipohon pengawai penyiasat.

Menurut sumber, wanita itu ditahan kira-kira pukul 10.15 malam Ahad lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) oleh sepasukan polis.

Ia selepas seorang guru yang juga madunya berusia 47 tahun membuat laporan polis apabila mendapati gambar bogelnya bersama suami disebarkan dipercayai dilakukan wanita itu melalui surat yang dikirimkan kepada bapanya. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak sembilan tahun jadi mangsa liwat di pusat tahfiz



MOHD. YUSOFF MAMAT

Oleh: YATIMIN ABDULLAH 3 Jun 2025, 3:50 pm

KOTA BHARU: Seorang kanak-kanak lelaki berumur sembilan tahun yang menuntut di sebuah pusat tahfiz di negeri ini menjadi mangsa liwat kepada rakannya berusia 12 tahun.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, tangkapan ke atas suspek telah dibuat selepas pihaknya menerima laporan dari ibu mangsa.

"Kanak-kanak itu kemudian dilepaskan kerana perkara tersebut tertakluk kepada Seksyen 113 Akta Keterangan 1950 yang menganggap kanak-kanak di bawah umur 13 tahun tidak berupaya melakukan melakukan rogol.

"Seksyen ini sepatutnya digubal semula bagi membolehkan pelaku dituduh berikutan terdapat kes seksual melibatkan suspek yang terdiri daripada kanak-kanak bawah umur di negeri ini," katanya pada sidang akhbar selepas Program Townhall Ketua Polis Kelantan, Cakna Remaja: Elak Gejala Sosial, Bina Masa Depan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Pengkalen Chepa di sini hari ini.

Mohd. Yusoff memberitahu, kejadian berlaku kira-kira dua bulan lalu itu terbongkar apabila mangsa menceritakan peristiwa tersebut kepada ibunya.

Katanya, mangsa memaklumkan bahawa dia diliwat oleh rakan sekolahnya yang berusia 12 tahun.

"Siasatan lanjut mendapati, ia merupakan kejadian pertama yang berlaku terhadap dirinya," ujarnya. —UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gadis 14 tahun tunggang motosikal dari Kelantan ke Kulim jumpa 'kekasih' jadi mangsa rogol

ADILA SHAHRIN WAHID

15 JUN 2023 02:23:49



Kegiatan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun menunggang motosikal ke Kulim, Kedah untuk bertemu 'kekasih' yang baharu dikenali di media sosial berakhir dengan tragis apabila dia dirogol lelaki terbabit.

KOTA BHARU — Kegiatan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun menunggang motosikal ke Kulim, Kedah untuk bertemu 'kekasih' yang baharu dikenali di media sosial berakhir dengan tragis apabila dia dirogol lelaki terbabit.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, dalam kejadian Mac lalu, mangsa bersama rakan perempuan sebayanya menunggang motosikal dari Tumpat sebelum motosikal mereka mengalami kerosakan di kawasan Gerik, Perak.



Mohd Yusoff Mamat (terang) mengumumkan kes ini kepada media. FOTOGRAFI: MAMAT / AGAS / APRI / MYK

"Kedua-duanya kemudiannya menahan serta orang awam untuk meneruskan perjalanan ke Kulim dan mangsa bertemu lelaki terbabit yang berusia lebih 30 tahun serta bekerja sebagai buruh.

"Mangsa dibawa ke satu lokasi di Kulim dan dirogol," katanya pada sidang akhbar selepas Program Libat Urus Cakna Remaja: Elak Gejala Sosial, Bina Masa Depan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di sini pada Selasa.

Beliau berkata, ibu bapa kepada kedua-dua gadis terbabit sebelum itu membuat laporan polis selepas menyedari kehilangan anak mereka selama empat hari.

"Selepas siasatan dijalankan, remaja terbabit dihantar ke hospital untuk pemeriksaan dan disahkan dirogol.

"Sehubungan itu suspek ditahan pihak polis untuk siasatan," katanya.

Menurut beliau, kes berkenaan membabitkan bend menimbangkan apabila remaja bawah umur berani merentas negeri untuk bertemu kenalan media sosial tanpa pengetahuan ibu bapa.

"Sewaktu awal mendapati punca utama pengaruh ini berkait dengan kecenderungan mangsa terhadap bahan pornografi dan pengaruh negatif media sosial," katanya.

Mohd Yusoff menegaskan, isu itu bukan kes terpencil, sebaliknya semakin meningkat dan memerlukan pemantauan lebih ketat oleh ibu bapa terutama di kawasan luar bandar.

"Kita lihat pelajar hari ini pergi sekolah dan balik sendiri, jadi ibu bapa tidak boleh lepas tangan.

"Pengaruh luar amat kuat, dan anak-anak semakin berani kerana kurang pengawasan," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes rogol, curi di Kelantan naik ketara

Bernama

Kes rogol naik kepada 157 pada 2024 berbanding 130 tahun sebelumnya.



Ketua Polis Kelantan Mohd Yusoff Mamat berkata curi kekal penyumbang utama dengan 732 kes dilaporkan. (Gambar Bernama)

KOTA BHARU: Jenayah indeks di Kelantan mencatat peningkatan sebanyak 15.1% sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2024 berbanding tahun sebelumnya.

Ketua Polis Kelantan, Mohd Yusoff Mamat, berkata sebanyak 2,296 kes direkodkan pada 2024, berbanding 1,994 kes bagi tempoh sama pada 2023 iaitu peningkatan 302 kes.

"Daripada jumlah itu, jenayah dalam kategori kekerasan meningkat 8.5% iaitu daripada 390 kepada 423 kes, manakala kategori harta-benda meningkat 16.7%, daripada 1,604 kepada 1,872 kes.

"Antara kes kekerasan yang menunjukkan peningkatan ketara ialah rogol yang naik kepada 157 kes berbanding 130 kes tahun sebelumnya (naik 20.7%), serta samun berkawan tanpa senjata api yang meningkat kepada 54 kes berbanding 43 kes (naik 25.6%)," katanya semasa menghadiri program perbincangan dialog awam ketua polis kelantan tahun 2025 bertajuk 'Cakna Remaja: Elak Gejala Sosial, Bina Masa Depan' di Universiti Malaysia Kelantan.

Yusoff berkata, kes mencederakan turut menunjukkan peningkatan, dengan 157 kes berbanding 147 tahun lepas (naik 6.8%).

Bagaimanapun, beberapa kes kekerasan mencatat penurunan ketara termasuk kes bunuh yang menurun kepada empat kes berbanding sembilan kes (turun 55.6%) dan samun bersenjata api yang turun kepada dua kes berbanding lima kes (turun 60%).

Sementara itu, dalam kategori harta-benda, curi kekal penyumbang utama dengan 732 kes dilaporkan, meningkat 50.9% berbanding 485 kes tahun sebelumnya.

"Kes penah rumah turut melonjak kepada 628 kes, meningkat 41.7% berbanding 443 kes pada 2023. Kes curi motor juga naik kepada 12 kes berbanding sembilan tahun lepas (naik 33.3%).

"Bagaimanapun, curi motosikal menunjukkan penurunan ketara, daripada 128 kes kepada 68 kes (turun 46.9%)," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Indonesian man arrested for sexually harassing lover's teenage daughter

By Austrie Camero - June 3, 2025 @ 12:56pm



South Klang police chief Assistant Commissioner Ramli Kasa said the 42-year-old man was arrested on May 30. FILE PIC

KLANG: Police have arrested an Indonesian man for allegedly sexually harassing the teenage daughter of his lover.

South Klang police chief Assistant Commissioner Ramli Kasa confirmed the case, adding that the 42-year-old man was arrested on May 30.

"We have remanded the suspect to facilitate further investigations under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act for physical sexual assault on a child.

"Those convicted could face imprisonment for a term not exceeding 20 years and shall also be liable to whipping," he said when contacted today.

The couple are believed to have engaged in sexual intercourse in front of the 17-year-old girl.

According to a report by a Chinese language news portal, the girl's mother had also sent sexually explicit videos to her daughter, intending to incite her to satisfy her lover's perverse desires.

The China Press reported that in April, the girl was awakened in the middle of the night on several occasions by her mother.

The woman allegedly allowed her boyfriend to enter her daughter's room and grope her while she was in bed.

After enduring the sexual harassment for over two months, the girl finally sought help from the Ketam Island Village Management Committee to lodge a police report.

The girl also provided a written record of the harassment she suffered from her mother and boyfriend to the police, requesting a thorough investigation.

When asked about the allegations made against the girl's mother, Ramli said they would investigate all the testimony given to facilitate prosecution.

"There are certain details that cannot be divulged at this juncture as it could disturb the process of investigation and prosecution," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh didakwa rogol Pelajar Tingkatan 1

🕒 03 Jun 2025, 3:58pm



Foto: Nuar

KOTA BHARU: Seorang buruh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan merogol pelajar Tingkatan Satu dalam dua kejadian berasingan, termasuk di kawasan sawah padi pada Mac lalu.

Tertuduh, Muhammad Nasruddin Mohd Faizal, 20, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa berusia 13 tahun 11 bulan di kawasan sawah padi di Ketereh, jam 11 malam pada 13 Mac lalu.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh merogol mangsa yang sama di ruang tamu di sebuah rumah di Ketereh pada jam 12 tengah malam pada 20 Mac lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Kamarul Hasyime Rosli dan tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nurie Abd Rahman.

Terdahulu, Kamarul Hasyime tidak menawarkan sebarang jaminan kerana kes membabitkan mangsa bawah umur, namun Ahmad Nurie merayu jaminan rendah dengan alasan anak guamnya hanya bekerja sebagai buruh.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan 2 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

LAPORAN • PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki warga India dipenjara enam tahun mengaku cabul anak teman wanita



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesiyen Ayer Ranceh, Melaka bagi sebutan semula kes melakukan amang seksual fizikal terhadap anak teman wanitanya. - UTUSAN MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Qsh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 3 Jun 2025, 3:02 pm

MELAKA: Seorang lelaki warga India dihukum penjara enam tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesiyen di sini, hari ini atas kesalahan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan teman wanitanya, dua tahun lalu.

Hakim Rahatul Akmar Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, S. Sakthivel, 30, selepas menukar pengakuan kepada bersalah pada sebutan semula kes berkenaan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun sewaktu kejadian di sebuah pangsupuri di Taman Kenanga Seksyen 3 dalam daerah Melaka Tengah kira-kira pukul 10.30 malam pada 24 November 2023.

Sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebat mengikut mengikut Seksyen 34(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Mengikut fakta kes, pengadu adalah ibu tunggal kepada tiga anak termasuk mangsa manakala tertuduh adalah teman lelakiinya.

Pada tarikh kejadian, tertuduh memberitahu ingin bermalam di rumah pengadu sebelum melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa di ruang tamu rumah ketika teman wanitanya sedang tidur.

Suspek turut mengugut mangsa supaya merahsiakan perkara itu sebelum dia ditangkap pada 4 Disember 2023 susulan laporan dibuat pengadu di Balai Polis Tengkeru.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Asnini Kamarudin memohon hukuman selampa dikenakan sebagai pengajaran manakala peguam K. Shareveen yang mewakili tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan anak guamnya telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan. - UTUSAN

